

02 SEP 1996

Tanah Runtuh-Laporan

HUJAN LEBAT LUAR BIASA ANTARA PUNCA BANJIR LUMPUR

KAMPAR, 2 Sept (Bernama) -- Hujan lebat luar biasa adalah antara faktor yang dikenal pasti sebagai punca banjir lumpur di perkampungan Orang Asli Pos Dipang pada Khamis lepas, menurut laporan awal siasatan pasukan penyiasat punca kejadian itu.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negeri berkata faktor yang lain ialah topografi dan geologi kawasan berkenaan.

Beliau berkata, berkaitan dengan faktor iklim, laporan itu menyebut laporan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah merekodkan jumlah hujan yang turun pada Ogos tahun ini bertambah sebanyak sekali ganda berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

Pada bulan lepas laporan JPS mencatatkan hujan turun sebanyak 461 mm berbanding 281 mm pada tempoh yang sama pada tahun lepas, 197 mm pada 1994 dan 137 mm pada tahun 1993, katanya kepada pemberita semasa mengumumkan hasil siasatan awal pasukan siasatan itu di Pos Dipang dekat sini.

Pasukan siasatan itu yang dianggotai seramai 26 anggota termasuk pakar geologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Ibrahim Keno semalam telah menyusuri Sungai Dipang ke arah Gunung Kinjang untuk mengenal pasti punca banjir lumpur itu.

Pasukan itu yang diketuai oleh Insp Awang Mohtar bertolak dengan berjalan kaki pada pukul 8.45 pagi dan kembali ke Pos Dipang pada 2.30 petang dengan hasil siasatan mereka.

Ramli berkata pasukan itu mendapati banjir lumpur itu bermula dari anak Sungai Dipang, Sungai Pusat yang terletak kira-kira enam hingga tujuh kilometer dari perkampungan Orang Asli Pos Dipang.

Jenis tanah yang berpasir, berbatu dan peroi dan dalam keadaan kedudukan yang curam, telah runtuh akibat air sungai yang berlebihan kerana hujan yang lebat.

Keruntuhan tanah di kawasan itu telah menyebabkan air melimpah dan membawa bersamanya campuran batu-batu, lumpur, pasir dan pokok-pokok yang terdapat di tepi sungai itu bersamanya turun dengan lajunya ke kawasan di bawah, katanya.

Beliau berkata ini telah menyebabkan beberapa empangan sementara wujud di beberapa anak Sungai Dipang antaranya Sungai Dom dan Sungai Sangkut turut pecah.

Apabila hujan terus turun dengan lebatnya, salah satu empangan sementara di Gunung Kinjang telah pecah dan menyebabkan empangan yang lain turut pecah dan menyebabkan air sungai melimpah dan turun dengan kelajuan yang tinggi tinggi, katanya.

Beliau berkata memandangkan tebing-tebing sungai itu lembut, ianya menyebabkan pokok-pokok di tepi tebing tumbang dan di bawa bersama arus sungai yang laju itu.

Malah air sungai didapati melebihi lima meter daripada paras biasa, katanya.

Ramli berkata pasukan siasatan itu turut menjumpai satu empangan sementara yang telah pecah kira-kira 200 meter dari perkampungan berkenaan dan mereka yakin lebih banyak lagi empangan seperti itu di hulu Sungai Dipang dan anak-anak sungainya yang menyebabkan banjir lumpur pada Khamis lepas.

Katanya, kajian lanjut dan terperinci akan dijalankan kemudian dan laporan siasatan awal ini akan disampaikan kepada Perdana Menteri Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamed, esok.

Ramli membuat pengumuman itu setelah mengadakan mesyuarat dengan pasukan penyelamat dan mencari mangsa tragedi itu serta pasukan siasatan itu selama 45 minit setelah tiba di Pos Dipang pukul 2 petang.

Sementara itu, Prof Ibrahim berkata kajian lebih terperinci perlu diadakan bagi memastikan punca sebenar berlakunya banjir lumpur itu memandangkan sebelum ini kejadian seperti itu tidak pernah berlaku di kampung itu.

Katanya, penduduk kampung yang berusia hampir 100 tahun itu tidak pernah melihat kejadian sedemikian hingga dilanda banjir lumpur itu. --
BERNAMA

YAI NMO